

Ku Nan sedia redah banjir kilat

Menteri baru janji beri komitmen penuh pastikan masalah di ibu negara selesai

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - "Jika hujan lebat dan Kuala Lumpur dilanda banjir kilat, saya telah minta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hantar motosikal untuk saya turun melihat sendiri puncanya dan diatasi."

Demikian menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, menyatakan komitmennya memastikan masalah di ibu kota dapat diselesaikan menyeluruh.

Menurutnya, isu kebersihan antara yang diberikan perhatian kerana ia asas bagi mengelakkan masalah banjir kilat yang turut menyumbang kepada kesesakan lalu lintas.

"Kita mahu pastikan ibu

negara dalam keadaan bersih dan perkara ini perlu diterapkan kepada warga kota agar tidak membuang sampah sewenang-wenangnya," katanya pada sidang media selepas Perjumpaan Bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi DBKL, di Menara DBKL, Jalan Raja Laut, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Adnan Md Ikshan; Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusup dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan dan Sosioekonomi DBKL, Datuk Mhd Amin Nordin Abd Aziz.

Difahamkan, menerusi pertemuan itu, kaedah mengurangkan kesesakan yang turut berpunca daripada pembangunan pesat seperti projek

“ Kita mahu pastikan ibu negara bersih dan perkara ini perlu diterapkan kepada warga kota .”

Zaradi

MRT turut dibincangkan.

Dalam pada itu, Tengku Adnan turut meminta DBKL mengenal pasti lokasi dan tapak sesuai untuk dibangunkan perumahan mampu milik bagi memenuhi kehendak dan keperluan warga kota khususnya golongan muda.

"Selain itu, penyediaan rumah yang mampu disewa golongan bekerja dalam sektor perkhidmatan juga akan dilaksanakan DBKL," katanya.



Tengku Adnan (tengah) dan Adnan (kiri) ketika sidang media selepas pertemuan bersama ahli jawatankuasa tertinggi DBKL di ibu negara, semalam.